

07/05/1997

Skwad takraw wanita diperkuat

Hussain Said

JAWATANKUASA Pemilihan Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) akan mengadakan pemilihan terbuka bagi memantapkan skuad wanita menjelang Sukan Sea di Jakarta, Oktober ini.

Setiausaha jawatankuasa itu, Mahathir Mohamad, berkata selepas meneliti aksi pemain dalam Kejohanan Sepak Takraw Wanita Kebangsaan di Shah Alam baru-baru ini, pihaknya berpendapat masih banyak ruang untuk membentuk pasukan mantap.

"Menerusi kejohanan yang berakhir Ahad lalu itu kita menyenaraikan 12 pemain. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Sabah yang mempunyai ramai pemain berbakat bagaimanapun tidak mengambil bahagian.

"Jadi, kita akan adakan pemilihan terbuka secepat mungkin bagi mencukupkan kuota 18 pemain bagi menjalani latihan pusat di Kompleks Sukan Bukit Jalil, bermula 22 Mei ini," katanya.

Dalam perlawanan akhir itu, regu pilihan, Sarawak A menjadi juara dan meraih hadiah wang tunai RM2,000 selepas mengalahkan Kuala Lumpur A 15-7, 15-8.

PSM menasarkankan empat pingat emas menerusi acara regu dan berpasukan lelaki serta wanita di Jakarta nanti.

Menurut Mahathir, kelemahan pemain wanita yang perlu diperbaiki ialah dari segi pengawalan bola, membalas balik bola kepada lawan dan terlalu gopoh bertindak.

"Kita percaya pemilihan yang akan dibuat, PSM dapat mencari beberapa pemain yang mampu mengawal bola dengan baik. Mungkin dalam tempoh lima bulan terakhir sebelum temasya bermula, segala kelemahan itu akan dapat diatasi," katanya.

(END)